

PROGRAM ZIARAH INTEGRITI HOSPITAL KUALA LUMPUR

Program Ziarah Integriti anjuran Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada 9 Mac 2017 bertempat di Auditorium Utama, Hospital Kuala Lumpur. Kesemua peserta yang mengikuti program ini adalah seramai 105 orang yang terdiri dari penjawat awam di Hospital Kuala Lumpur. Peserta yang hadir merangkumi semua kumpulan gred jawatan dan sepanjang program berlangsung bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 12.30 tengahari.

Di dalam program tersebut, pengisian yang telah diterapkan antaranya daripada Seksyen Pengukuhan Integriti yang telah disampaikan oleh Ustaz Isa bin Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan Unit Integriti KKM yang membincangkan berkenaan nilai-nilai murni yang perlu ada dikalangan penjawat awam. Sesi seterusnya telah disampaikan oleh Puan Marliza binti Lijong, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Unit Integriti KKM, berkenaan etika dan tata tertib dikalangan penjawat awam dan sesi terakhir telah disampaikan oleh wakil daripada PPZ-MAIWP berkenaan kepentingan berzakat dan faedah potongan zakat melalui Skim Thohir.

Objektif program ini adalah untuk memperkukuhkan integriti dan kesedaran penjawat awam agar dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam menjalankan tugas seharian. Melalui pembentukan keperibadian yang unggul dan memiliki keutuhan budaya serta moral yang tinggi serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan akan membuatkan perkhidmatan cemerlang yang diperlukan oleh masyarakat

Para peserta juga telah mendapat manfaat daripada program ini. Maklumbalas mereka berkenaan program sebegini adalah sangat positif dan memberikan kefahaman yang lebih jelas berkaitan integriti dan tata tertib sebagai penjawat awam dan mengharapkan program seperti ini diteruskan di masa yang akan datang. Para peserta juga berpeluang untuk menunaikan zakat melalui potongan Skim Thohir yang telah diperkenalkan oleh PPZ-MAIWP

Secara keseluruhannya, program yang dianjurkan Unit Integriti, Kementerian ini telah berjaya memberikan kefahaman para peserta dalam memberi kefahaman berkenaan fungsi Unit Integriti KKM khususnya berkenaan pemantapan nilai murni dan kepatuhan terhadap tatatertib.